

1. Budaya bersukan perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat agar dapat _____ yang hebat dan berdaya saing.

- ☐ A melahirkan
- ☐ B menetapkan
- ☐ C menyerahkan
- ☐ D membayangkan

2. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Puan Hazwani duduk _____ ketika makan bersama-sama dengan tetamu lain di majlis kesyukuran itu.

- ☐ A bersila
- ☐ B berlunjur
- ☐ C bersimpuh
- ☐ D bertinggung

3. Pengarah Jabatan Pengairan _____ pelbagai soalan oleh para pemberita apabila banjir kilat melanda ibu kota baru-baru ini.

- ☐ A dilontari
- ☐ B dicurahi
- ☐ C dihujani
- ☐ D dilempari

4. Pokok ketapang yang besar itu _____ oleh penduduk kampung kerana membahayakan pengguna yang lalu-lalang di kawasan tersebut.

- ☐ A ditebas
- ☐ B dicantas
- ☐ C dipotong
- ☐ D ditebang

5. Orang yang suka memendam perasaan berkemungkinan akan _____ tekanan jiwa yang serius.

- ☐ A mengikuti
- ☐ B mengakui
- ☐ C mengalami
- ☐ D mengulangi

6. Adik lari bertempiran apabila _____ oleh seekor anjing semasa pulang dari sekolah petang semalam.

- ☐ A ditarik
- ☐ B diasak
- ☐ C dilibas
- ☐ D dikejar

7. Pihak Majlis Bandaran telah mengeluarkan notis bahawa mereka akan menangkap haiwan ternakan yang dibiarkan _____.

- ☐ A berhamburan
- ☐ B berhampiran
- ☐ C berserakan
- ☐ D berkeliaran

8. Saya mesti sampai ke rumah datuk sebelum matahari _____ kerana jalan ke rumah datuk agak sunyi dan gelap.

- ☐ A tersungkur
- ☐ B terbenam
- ☐ C terpacak
- ☐ D terjatuh

9. Firdaus mudah melenting apabila _____ oleh ketuanya dalam mesyuarat.

- ☐ A dipuji
- ☐ B dipuja
- ☐ C ditegur
- ☐ D dipesan

10. Pembinaan lebuh raya itu telah _____ belanja berbelas-belas juta ringgit.

- ☐ A menelan
- ☐ B mencakup
- ☐ C meningkat
- ☐ D mengambil

11. Dania sibuk _____ pelajaran kerana peperiksaan akhir tahun bakal menjelang tidak lama lagi.

- ☐ A melihat
- ☐ B merujuk
- ☐ C menelaah
- ☐ D merancang

12. Kakak sedang _____ semua tawaran yang diterimanya sebelum membuat keputusan untuk menyambung pelajaran dalam bidang yang diminatinya.

- ☐ A memperlihatkan
- ☐ B mempertingkatkan
- ☐ C memperbanyakkan
- ☐ D mempertimbangkan

13. Penduduk kampung gempar apabila beberapa ekor lembu ternakan mereka telah _____ oleh seekor harimau semalam.



- ☐ A dilulur
- ☐ B ditelan
- ☐ C dibaham
- ☐ D disengat

14. Akibat perbuatannya yang _____ batasan, Zahid tidak dibenarkan ke mana-mana tanpa persetujuan ayahnya.

- ☐ A melintasi
- ☐ B menjauhi
- ☐ C melepasi
- ☐ D melampaui

15. Pencalonan Encik Mustafa Ali untuk merebut jawatan sebagai pengerusi persatuan itu telah _____ kedudukan pengerusi yang sedia ada.

- ☐ A menggoncang
- ☐ B mengganggu
- ☐ C menghalang
- ☐ D menggugat

16. "Penganjuran aktiviti perkhemahan ini adalah untuk _____ kekuatan mental dan fizikal murid-murid," ujar Cikgu Razak.

- ☐ A menguji
- ☐ B meneka
- ☐ C menyiasat
- ☐ D menyelidik


17. Beberapa ekor anjing pengesan digunakan untuk _____ sekumpulan pendaki yang tersesat di kawasan hutan tebal itu.

- ☐ A mencari
- ☐ B menarik
- ☐ C mengenal
- ☐ D memanggil

18. Kapal dagang itu _____ perlahan-lahan meninggalkan Pelabuhan Klang untuk ke negara Jepun.

- ☐ A bergerak
- ☐ B berlepas
- ☐ C berjalan
- ☐ D berlalu

19. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Bola yang _____nya ke dinding itu _____ lalu terkena kepalanya.

- ☐ A dibaling ... melantun
- ☐ B dilibas ... menyentuh
- ☐ C dicampak ... melontar
- ☐ D dilontar ... menghentam

20. Kelakuan dan pakaian segelintir remaja pada masa ini jelas sekali _____ dengan budaya masyarakat kita.

- ☐ A beraliran
- ☐ B bertepatan
- ☐ C bertentangan
- ☐ D bersangkutan